

Siasat EPS lelaki didakwa cuba tarik kereta

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melakukan siasatan berhubung insiden seorang lelaki cuba menarik kenderaan di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Lebuhraya Utara-Selatan arah utara di Seremban pada 7 November lalu.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, pihaknya mengesan lelaki terbabit termasuk mengetahui pasti sama ada dia mempunyai kad Ejen Permilikan Semula (EPS) selain mengikut prosedur ditetapkan atau sebaliknya.

Katanya, permohonan dan pendaftaran kad EPS perlu dibuat kepada pihaknya sebelum diberi kelulusan.



ISKANDAR Halim

"Kami mengesan lelaki itu sama ada dia mempunyai kad EPS yang aktif atau tidak.

"Untuk maklumat, kenderaan yang mempunyai dua bulan tunggakan boleh ditarik EPS mengikut sya-

rat ditetapkan," katanya ketika diminta mengulas kejadian itu yang tular di media sosial sejak 9 November lalu.

Iskandar Halim mengingatkan mereka yang melakukan pinjaman kewangan untuk pembelian kenderaan supaya memastikan bayaran ansuran tidak tertunggak melebihi dua bulan.

"Jika tertunggak, EPS boleh menarik kenderaan itu dan mereka yang mengalami kesulitan dikehendaki berbincang dengan syarikat kewangan," katanya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan pegawai teknologi syarikat swasta nyaris kehilangan kenderaan selepas cuba ditarik lelaki menyamar pegawai KPDNHEP.